

23/03/1997

Jangan mudah menghukum (HL)

Hafifi Hafidz in Riyadh

RIYADH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan masyarakat Islam supaya jangan terlalu mudah menjatuhkan hukuman dan bertindak terhadap saudara seagama sehingga melemahkan ummah serta memaksa mereka bergantung kepada bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, Islam tidak mengajar umatnya menolak persaudaraan seagama, bertelingkah sesama sendiri dan membunuh Muslim lain atas nama Islam.

"Islam tidak menganjurkan umatnya menjatuhkan hukuman ke atas Muslim lain yang juga saudara seagama kita, mengganasi mereka, menghancurkan perpaduan, melemahkan mereka sehingga terpaksa bergantung kepada bukan Islam dan dipergunakan oleh musuh Islam, katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, umat Islam harus percaya bahawa setiap apa yang dilakukan itu adalah untuk memberi sumbangan sejajar dengan kehendak dan tuntutan Islam.

"Di Malaysia, inilah amalan dan keyakinan kita. Kita tidak minta disanjung atau diburukkan oleh sesiapa. Biarlah Allah menjadi hakim yang akan menentukan kita menerima balasan hukuman atau ganjarannya.

"Tidak seorang pun boleh meramalkan bagaimana bentuk penghakiman dan hukuman yang akan dijatuhkan-Nya. Hanya Allah yang tahu," katanya.

Dr Mahathir berucap pada majlis penerimaan Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 di sini, malam tadi. Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Anugerah itu disampaikan oleh Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud yang juga Timbalan Perdana Menteri Kedua serta Menteri Pertahanan dan Penerbangan sebagai mewakili Raja Fahd.

Sehingga kini, 118 tokoh dari 32 negara menerima anugerah itu termasuk pemenang tahun ini.

Selain Dr Mahathir, turut menerima anugerah yang diwujudkan pada 1976 ialah Prof Abdul Kareem Zaidan Baheej Alani dari Iran (kategori Pengajian Islam) dan Prof Carl E Wieman serta Dr Eric A Cornell dari Amerika Syarikat (kategori Sains).

Yayasan itu juga menganugerahkan tiga pakar perubatan, iaitu Prof James Francis Gusella dari Kanada, Prof Colin Louis Master (Australia) dan Prof Konrad Traugott Beyreuther (Jerman) bagi kategori perubatan.

Setiap penerima memperoleh sijil, medal emas dan hadiah wang SR750,000 (AS200,000 atau RM500,000).

Anugerah itu diperkenalkan oleh anak kelapan Raja Faisal bagi memperingati ayahandanya, Raja Faisal Abd Al-Aziz, yang banyak menghabiskan masa hidupnya membangunkan Islam dan membantu rakyat.

Dr Mahathir yang dipilih menerima hadiah itu bagi kategori sumbangan terhadap Islam disifatkan sebagai pemimpin negara Islam yang banyak memberi sumbangan besar kepada Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Sejak menjadi Perdana Menteri 16 tahun lalu, Dr Mahathir berjaya memperkenalkan dasar yang mampu merapatkan lagi hubungan serta kerjasama di kalangan rakyat Malaysia beragama Islam dan bukan Islam.

Dr Mahathir berkata dengan berlaku adil terhadap bukan Islam yang tidak menentang agama itu, ia mencerminkan ajaran sebenar agama Allah itu.

"Kita mesti selalu ingat bahawa sebagaimana kita tidak mahu orang Islam minoriti di negara bukan Islam ditindas, kita juga tidak boleh menzalimi bukan Islam minoriti di negara kita.

"Jika kita sentiasa berpegang kepada prinsip ajaran Islam ini, umat Islam tidak akan menghadapi masalah untuk mengecapi hidup di dunia dan akhirat," katanya.

(END)